

Kearifan Tempatan dan Akal Budi Masyarakatnya

Zaharani Ahmad

Abstrak

Kearifan tempatan bermaksud ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh sesebuah masyarakat atau komuniti di sesuatu kawasan tertentu. Pengetahuan tersebut terdiri daripada sehimpunan maklumat yang berkaitan dengan keseluruhan sistem kehidupan yang diamalkan oleh masyarakat berkenaan. Sistem kehidupan itu meliputi pelbagai aspek perlakuan, seperti bahasa, adat istiadat, seni bina, pertanian, perubatan, pemakanan, kepercayaan, dan lain-lain lagi. Hasil perlakuan ini secara langsung dapat memberi gambaran tentang pengetahuan dan pemikiran masyarakat tersebut. Pengetahuan secara khusus merujuk kepada kepandaian, kemahiran dan kepakaran melakukan dan menghasilkan sesuatu, manakala pemikiran merujuk kepada kebijaksanaan akal, kognitif, intelek dan minda dalam mengilhamkan dan mencipta sesuatu, dan kebijaksanaan ini diistilahkan sebagai akal budi. Kertas ini cuba meneliti dan membuktikan bahawa pengetahuan dalam kemahiran tempatan itu mempunyai hubungan yang sangat erat dengan akal budi masyarakatnya. Masyarakat yang dipilih dalam kajian ini adalah masyarakat Melayu dan bahan yang dianalisis adalah data sekunder yang berkaitan dengan produk budaya masyarakat tersebut, seperti seni bina rumah, seni tekstil batik sarung, pengonsepsian masa dan peribahasa Melayu.

Pengenalan

Sejak kebelakangan ini kajian tentang kearifan tempatan didapati berkembang begitu pesat sekali. Kepesatan itu dapat dilihat daripada jumlah bilangan kertas kerja daripada pelbagai bidang ilmu yang dibentangkan dalam persidangan atau kolokium yang dianjurkan yang bertemakan kearifan tempatan. Seseengah persidangan itu diadakan secara bersiri setiap tahun, dan ini menunjukkan bahawa tema tersebut masih penting dan relevan, seperti yang dilakukan oleh Kumpulan Kearifan Tempatan, Universiti Sains Malaysia. Kumpulan ini telah menganjurkan persidangan pertamanya pada 10-11 Oktober 2011, di Kampung Tok Senik Resort, Pulau Langkawi dengan tema yang bertajuk 'Persidangan Serantau Kearifan Tempatan: Menggalur Tradisi bagi Melestari Masa Depan'. Tiga objektif utama yang ingin dicapai adalah, (i) mengenal pasti dan menyusuri semula kearifan tempatan, (ii) memperkenalkan kearifan tempatan semasa, dan (iii) memelihara dan memulihara kearifan tempatan. Persidangan ini kemudiannya diteruskan secara bersiri pada tahun-tahun berikutnya, iaitu 2012, 2013, 2014, 2105, 2016 dan 2017 dengan pelbagai tema yang berkaitan dengan kearifan tempatan. Kesemua kertas kerja yang dibentangkan itu bersifat ilmiah kerana penelitian dan penghuraiannya dibuat oleh para penyelidik dari universiti. Pada masa yang sama, kesemua kertas kerja tersebut kemudiannya diterbitkan dalam bentuk bab

dalam buku oleh Penerbit USM sendiri. Usaha yang dilakukan oleh Kumpulan Kearifan Tempatan USM ini seharusnya disokong dan dipuji. .

Selain daripada universiti awam, institusi lain yang juga berminat dengan kearifan tempatan ini adalah Dewan Bahasa dan Pustaka, khususnya Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak dan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah yang diamanahkan sebagai badan yang bertanggungjawab memelihara dan memulihara kearifan tempatan masyarakat peribumi di negeri masing-masing. Kegigihan itu dapat dilihat melalui kewujudan portal E-Boneo yang dibina khusus untuk pendokumentasian kearifan tempatan masyarakat peribumi Sarawak, Sabah dan juga Brunei Darussalam. Usaha DBP Cawangan ini disokong kuat oleh kerajaan negeri. Contohnya, pada 23 April 2014, ketika melancarkan Program Penerbitan Berpakej Kearifan Tempatan Sarawak 2014 anjuran DBP Cawangan Sarawak, Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga, Datuk Fatimah Abdullah telah meluluskan peruntukan sebanyak RM215,690 untuk DBSCS melaksanakan program berpakej pelestarian kearifan tempatan bahasa sukuan Sarawak.

Dalam ucapannya, Datuk Fatimah menegaskan DBPCS perlu memainkan peranan penting dalam menyelidik, mendokumentasi dan menyebarkan ilmu kearifan tempatan Sarawak yang mempunyai 28 suku kaum, mempunyai khazanah kearifan tempatan yang kaya yang merangkumi bahasa, sastera, budaya, persuratan, kraftangan, kesenian, pertanian, pendidikan, sejarah, adat istiadat, perubatan, muzik, falsafah, psikologi dan pelancongan yang perlu dikaji, dipelihara malah didokumentasikan agar tidak hilang ditelan zaman. Tambah beliau lagi, segala penemuan dan hasil dapatan itu wajar dipaten, ditentukan hak cipta dan harta inteleknya supaya ia akan menjadi hak milik masyarakat negeri Sarawak. Susulan daripada saranan itu, pada hari ini DBPCS menganjurkan satu wacana ilmu, iaitu 'Kolokium Kearifan Tempatan Sarawak'. Sebelum ini, satu kolokium telahpun diadakan pada 8 Oktober 2013, di Bintulu, dengan tema yang bertajuk 'Pemugaran dan Pelestarian Kearifan Tempatan'.

Sebagai penambah dan pelengkap kepada kajian yang sedia ada, kertas kerja ini cuba meneliti dan menghuraikan kearifan tempatan dari sudut pemikiran yang mencerminkan akal budi masyarakatnya. Masyarakat yang dipilih dalam kajian ini adalah masyarakat Melayu dan bahan yang dianalisis adalah data skunder yang berkaitan dengan produk budaya masyarakat tersebut, seperti seni bina rumah Melayu, seni tekstil batik sarung, pengkonsepsian masa dan peribahasa Melayu. Kertas kerja ini dibahagikan kepada lima bahagian. Bahagian pertama ialah bahagian pengenalan. Bahagian kedua menghuraikan dan menggagaskan konsep kearifan tempatan. Bahagian ketiga memaparkan suatu sorotan dan ulasan tentang kajian

lampau yang berhubung dengan pengkajian kearifan tempatan. Bahagian keempat membincangkan akal budi masyarakat Melayu menerusi kearifan tempatan yang dicipta dan bahagian kelima mengakhiri perbincangan dengan satu kesimpulan.

Gagasan Kearifan Tempatan

Dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2004), kata kearifan ditakrifkan sebagai ‘perihal arif’, dan kata arif pula mempunyai dua makna, iaitu (i) yang mengetahui (biasanya dirujuk kepada seseorang yang memahami sesuatu dengan mendalam atau luas pengetahuannya), (ii) bijaksana, berasaskan pemikiran yang mendalam. Manakala kata tempatan pula ditakrifkan ‘yang berkaitan dengan tempat tertentu, di tempat itu sendiri’. Berdasarkan takrifan di atas, frasa kearifan tempatan itu dapat disimpulkan maknanya sebagai pengetahuan dan kebijaksanaan pemikiran sekumpulan masyarakat di sesuatu kawasan.

Takrifan ini didapati tidak jauh berbeza daripada definisi yang diberi oleh para sarjana dan para ilmuwan sains sosial dewasa ini. Misalnya, Flavier (1995) mentakrifkan kearifan tempatan itu sebagai pengetahuan unik yang merujuk kepada budaya sesebuah komuniti dan pengetahuan ini merupakan asas kepada komuniti tersebut membuat keputusan dalam aktiviti kehidupan mereka, seperti dalam pertanian, penjagaan kesihatan, penyediaan makanan, pendidikan, pengurusan alam semula jadi, sumber dan pelbagai aktiviti lain. Bagi Grenier (1998) pula, kearifan tempatan merujuk kepada sesuatu yang unik, bersifat tradisional serta hidup dan berkembang dalam sesuatu kumpulan peribumi di kawasan tertentu. Sementara Md Salleh Yaapar (2013) mendefinisikan kearifan tempatan sebagai suatu khazanah pelbagai ilmu pengetahuan kepunyaan sesuatu bangsa atau masyarakat, yang dibina zaman berzaman, untuk strategi kehidupan dan bagi kelangsungan hayat bangsa berkenaan.

Gabungan daripada beberapa definisi yang diberi di atas, secara umumnya dapat disimpulkan bahawa kearifan tempatan itu bermaksud ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh sesebuah masyarakat atau komuniti di sesuatu kawasan tertentu. Pengetahuan tersebut terdiri daripada sehimpunan maklumat yang berkaitan dengan keseluruhan sistem kehidupan yang diamalkan oleh masyarakat berkenaan. Sistem kehidupan itu meliputi pelbagai aspek perlakuan, seperti bahasa, adat istiadat, seni bina, pertanian, perubatan, pemakanan, kepercayaan, dan lain-lain lagi. Hasil perlakuan ini secara langsung dapat memberi gambaran tentang pengetahuan dan pemikiran masyarakat tersebut. Kearifan tempatan juga dapat dianggap sebagai pengetahuan dan pemikiran peribumi yang bersifat warisan yang diamalkan dan diperturunkan daripada satu generasi kepada satu generasi agar kelangsungannya dapat dikekalkan dan dilestarikan. Setiap masyarakat atau komuniti itu mempunyai kearifan

tempatannya yang tersendiri yang menjadi identiti dan jati diri serta kebanggaan komuniti berkenaan.

Dalam konteks perbincangan kertas kerja ini, penulis bersependangan dengan takrif yang diberikan oleh *Kamus Dewan*, iaitu kearifan itu bermaksud pengetahuan dan juga pemikiran. Pengetahuan secara khusus merujuk kepada kepandaian, kemahiran dan kepakaran melakukan dan menghasilkan sesuatu, manakala pemikiran merujuk kepada kebijaksanaan akal, kognitif, intelek dan minda dalam mengilhamkan dan menghasilkan sesuatu, dan dalam kertas kerja ini diistilahkan sebagai akal budi. Dengan kata lain, pengetahuan itu ialah sesuatu yang bersifat luaran yang boleh dilihat (cth. rupa bentuk seni bina, seni ukir, tekstil, perubatan, hasil sastera, dll.), manakala pemikiran atau akal budi ialah sesuatu yang bersifat dalaman yang tidak dapat dilihat (cth. idea, falsafah, sistem nilai, kepercayaan, pandangan dunia) yang memerlukan penafsiran dan penaakulan yang halus dan mendalam.

Sorotan dan Ulasan Kajian Lepas

Dari sudut epistemologi ilmu, kajian tentang manusia dan hubungannya dengan masyarakat serta persekitarannya dipayungi di bawah gugusan ilmu sains sosial dan kemanusiaan. Secara umumnya, bidang pengajian dalam gugusan ini dapat dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu (i) pengajian berteraskan disiplin (fokus kepada disiplin tertentu, seperti Antropologi, Linguistik, Geografi, Sejarah, Sastera, Psikologi, Pendidikan), (ii) pengajian kawasan (fokus kepada kawasan geografi tertentu, seperti Pengajian Asia Tenggara, Pengajian Alam Melayu, Pengajian Borneo), dan (iii) pengajian tematik (fokus kepada tema tertentu seperti Pengajian Gender, Pengajian Femenisme). Pada hemat saya, pengajian kearifan tempatan ini tergolong dalam pengajian tematik. Kajian tematik biasanya menyentuh isu dan persoalan semasa, dan pengkajiannya merentasi disiplin dan juga kawasan geografi. Dari segi sejarah perkembangannya, pengajian jenis pertama lebih awal, diikuti oleh jenis kedua, dan akhirnya jenis ketiga.

Dalam konteks negara kita, kajian tentang manusia, masyarakat dan persekitarannya telah dilakukan sejak sebelum merdeka lagi sama ada oleh pengkaji Barat mahupun pengkaji tempatan sendiri. Secara umumnya boleh dikatakan hampir semua komuniti dan etnik tempatan di negara ini pernah dikaji. Cuma bezanya, ada komuniti yang telah dikaji secara meluas dan mendalam, dan ada pula yang hanya disentuh secara sepintas lalu sahaja. Kebanyakan pengkajian yang dilakukan lebih berasaskan disiplin. Misalnya antropologi dan sosiologi mengkaji sistem organisasi, adat istiadat, kepercayaan, dan lain-lain aspek budaya. Bidang linguistik mengkaji sistem bahasa dan juga hubungan bahasa dengan masyarakat.

Bidang sastera mengkaji karya seni yang disampaikan melalui bahasa, seperti cerita rakyat, pantun, puisi dan beberapa bidang yang lain.

Apabila kehidupan manusia semakin maju dan moden, pengkajian sains sosial lebih tertumpu kepada masyarakat di bandar kerana kehidupan masyarakatnya lebih kompleks dan menimbulkan banyak isu dan masalah sosial yang perlu dikaji dan ditangani, seperti isu setinggalan, gender, feminisme, belia dan lain-lain. Kajian tentang masyarakat peribumi di luar bandar semakin kurang dan terpinggir. Keadaan ini semakin meruncing dengan kedatangan arus globalisasi, dan dikuatiri bahasa dan budaya masyarakat peribumi berkenaan akan pupus dan hilang. Generasi muda didapati tidak lagi suka malah berasa malu untuk mengamalkan atau dikaitkan dengan budaya tempatan atau budaya etnik mereka sendiri.

Kajian tentang masyarakat setempat yang mewakili komuniti atau etnik tertentu mula mendapat perhatian apabila ia diberi penjanamaan semula, iaitu kearifan tempatan (local knowledge) yang cuba mengangkat dan melestarikan ilmu peribumi. Apabila pengkajian itu dikaitkan dengan ilmu dan ada pula nilai ekonominya, maka kajian warisan peribumi mula mendapat tempat dan menarik minat para sarjana dan pengkaji. Jika dulu kajian berkaitan masyarakat dan budaya hanya diteliti oleh para pengkaji dari gugusan sains sosial dan kemanusiaan sahaja, tetapi kini turut diterokai oleh pengkaji dari gugusan sains, seperti bidang kejuruteraan, seni bina dan juga perubatan. Pengkajian daripada pelbagai disiplin ilmu ini bukan saja menyemarakkan bidang dan ranah kearifan tempatan, tapi turut mengangkatnya ke tahap yang lebih tinggi hingga ke peringkat antarabangsa.

Seperti yang telah dinyatakan, antara universiti awam yang menjuarai pengajian kearifan tempatan ini adalah Universiti Sains Malaysia. Universiti ini telah menubuhkan Kumpulan Kearifan Tempatan yang terlibat secara aktif dalam menganjurkan persidangan dan menerbitkan buku yang berkaitan dengan kearifan tempatan di Alam Melayu. Persidangan pertama yang dianjurkan oleh kumpulan ini diadakan pada 10-11 Oktober 2011, di Kampung Tok Senik Resort, Pulau Langkawi, Kedah Darul Aman dengan tema yang berjudul 'Persidangan Serantau Kearifan Tempatan: Menggalur Tradisi bagi Melestari Masa Depan'. Persidangan kedua diadakan pada 14-16 Oktober 2012, di Pulau Jerejak Rainforest Resort, Pulau pinang, dan judul yang dipilih ialah 'Persidangan Serantau Kearifan Tempatan II: Merekayasa Kearifan Tempatan ke Arah Ilmu Baharu'. Persidangan ketiga berjudul 'Persidangan Serantau Kearifan Tempatan 2013: Memperkukuhkan Kearifan Tempatan ke Arah Pengantarabangsaa', diadakan pada 6-7 Oktober 2013, di Sutra Beach Resort, Terengganu. Persidangan seterusnya diadakan di Kuching, Sarawak pada 12-13 October 2014, dan tema yang dipilih adalah 'Persidangan Serantau Kearifan Tempatan 2014: Sinergi

Kelestarian Dinamisme'. Tahun berikutnya, iaitu pada 14 Oktober 2015, persidangan ini diadakan di Bandung, Indonesia. Persidangan keexistencenageenam diadakan di Pulau Pinang pada 27 dan 28 Julai 2016 yang bertemakan 'Persidangan Antarabangsa Kearifan Tempatan 2016: Warisan Sejagat'. Dan yang terakhir diadakan di Johor Bahru, pada 8-9 Mei 2017, dengan tema yang berjudul 'Persidangan Antarabangsa Kearifan Tempatan 2017: Memanfaatkan Kearifan Tempatan dalam Alaf Baharu'.

Bertepatan dengan objektif persidangan yang berhasrat untuk mendokumentasikan dan melestarikan kearifan tempatan, kertas-kertas kerja yang dibentangkan itu kemudiannya diterbitkan dalam bentuk bab dalam buku dan dihimpunkan di bawah subtema tertentu. Antara buku-buku tersebut adalah *Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara Jilid 1 – Berasal dari Akar* (Mohd Kipli et. al. 2013a); *Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara Jilid 2 – Meneliti Kosmologi dan Adat Istiadat* (Mohd Kipli et.al. 2013b); *Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara: Jilid 3 - Meneliti Khazanah Sastera, Bahasa dan Ilmu* (Rahimah et. al. 2013); *Kearifan Tempatan: Merekayasa Kearifan Tempatan Budaya, Pelancongan Arkeologi dan Sejarah* (Nazarudin dan Darlina 2014); *Amalan Kearifan Tempatan dalam Masyarakat Melayu/Nusantara* (Ahmad Moghni et. al. 2014); *Wacana Warisan, Pelancongan dan Seni dalam Kearifan Tempatan* (Nazarudin 2015); *Penerokaan Teknologi melalui Seni dan Warisan dalam Kearifan Tempatan* (Norfarizah dan Norzaini 2015) dan *Kearifan Tempatan: Dari Lisan ke Aksara dan Media* (Rahimah 2015).

Secara umumnya, kebanyakan kertas kerja yang telah dibentangkan dan dibukukan itu bersifat deskriptif dan kualitatif. Tiga kata kunci utama dalam setiap pendekripsian itu adalah (i) komuniti yang dikaji (cth. Melayu, Dusun, Iban, Orang Asli, dll.), ranah yang diterokai (cth. bahasa, karya sastera, perubatan, tekstil, adat istiadat, dll.), (iii) disiplin ilmu yang diterapkan (cth. linguistik, antropologi, sosiologi, ekonomi, sains dan teknologi, seni bina, dll.). Kebanyakan kajian ini menyentuh aspek kearifan tempatan dari sudut luaran dengan membuat penghuraian yang cukup terperinci dan mendalam tentang sesuatu produk budaya yang dihasilkan. Misalnya, kajian Neilson dan Spencer (2013) yang bertajuk ' Kearifan tempatan kaum Dayak di Sarawak' menghuraikan kepentingan tumbuhan dalam kehidupan masyarakat Iban yang digunakan untuk tujuan mengubat penyakit. Antaranya termasuklah sirih, pinang, gambir, tembakau. Selain daripada itu tumbuhan ini juga digunakan untuk membuat peralatan keperluan, seperti tikar, bubu, pemansai, baduk, chapan, timpa. Perkembangan semasa menunjukkan kearifan tempatan ini tidak lagi diamalkan, dan dikuatiri akan pupus. Antara faktor penyebabnya adalah pendidikan moden, hukum agama, pertanian moden, perubatan moden, peralatan moden, dan minat berkurangan. Kajian Patrick Rigepe

(2005) pula mendokumentasikan upacara ritual kaum Bidayuh dan jenis-jenis tumbuhan yang digunakan sama ada untuk tujuan ritual atau peralatan keperluan seharian.

Kajian dari sudut aspek dalaman, terutama yang menyentuh pemikiran dan akal budi masyarakatnya tidak banyak dilakukan. Misalnya, kajian tentang seni bina rumah Melayu hanya tertumpu pada penghuraian bentuk fizikal ruang rumah, contohnya anjung yang dikatakan terletak di bahagian hadapan rumah, tidak berdinging dan terbuka, dan tempat kaum lelaki berehat dan berbincang (Wan Siti Zubaidah dan Mohd Faizal 2014). Persoalan mengapakah anjung itu terletak di bahagian hadapan dan terbuka bentuknya, dan apakah falsafah dan pemikiran yang mengilhamkan anjung itu dibina sebegitu rupa tidak diselidiki dan diselami. Kajian aspek dalaman yang menyentuh pemikiran dan akal budi masyarakat juga penting kerana ia adalah sebahagian daripada kearifan tempatan masyarakat tersebut.

Begitu juga tentang peribahasa, kajian yang dilakukan perlulah lebih mendalam dan mampu menjawab mengapakah sesuatu objek atau produk budaya itu dipilih dalam membina peribahasa berkenaan. Misalnya, dalam peribahasa ‘kecil tapak tapak tangan, nyiru ditadahkan’, mengapakah masyarakat Melayu memilih ‘nyiru’ dan tidak objek lain seperti ‘bakul’ atau ‘dulang’ atau ‘talam’. Begitu juga dalam pantun ‘pisang emas dibawa belayar, masak sebiji di atas peti, hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mati’, mengapakah pisang emas yang dipilih dan bukannya objek lain seperti ‘barang kemas’ atau ‘pisang kapas’ dan sebagainya. Kajian seperti ini lebih sukar dan mencabar kerana kita cuba menyoroti dan menyelami pemikiran masyarakat atas andaian pemilihan objek itu bukan dibuat secara sebarangan tetapi didasari oleh falsafah, kognitif dan sistem nilai tertentu yang menggambarkan kebijaksanaan akal budi pencipta peribahasa atau pantun berkenaan.

Kearifan Tempatan Cerminan Akal Budi

Kamus *Dewan Edisi Keempat* (2004) mentakrifkan akal budi sebagai ‘fikiran yang sihat’. Seterusnya, apabila rujuk silang dibuat, akal budi juga bersinonim dengan kebijaksanaan dan intelektual. Dengan kata lain, akal budi bermaksud pemikiran yang menggunakan akal secara bijaksana. Seperti yang telah disebut sebelum ini, selain daripada bermaksud pengetahuan, kearifan tempatan juga membawa makna pemikiran, dan pemikiran ini diistilahkan sebagai akal budi. Pada hemat penulis, akal budi itu lebih luas pengertiannya kerana selain daripada pemikiran, ia juga melibatkan falsafah, sistem nilai dan pandangan dunia atau *weltanschung* sesebuah masyarakat.

Kajian tentang kearifan tempatan dan hubungannya dengan akal budi Melayu banyak dilakukan oleh Nor Hashimah (2014). Dalam syarahan perdananya yang bertajuk “Semantik

dan Akal Budi Melayu”, beliau menyimpulkan bahawa pemikiran Melayu didasari oleh sifat khusus dan tidak khusus dalam memberi penafsiran makna. Sifat ini tersurat dan tersirat dalam kearifan tempatan masyarakat Melayu, seperti sistem bahasanya, metafora, pantun, dan juga manuskrip. Sebagai tambahan kepada kajian Nor Hashimah, kertas kerja ini cuba meneliti dan membuktikan bahawa akal budi Melayu juga didasari oleh Islam sebagai Ad-din, iaitu cara hidup yang meliputi semua aspek kehidupan. Antara aspek kearifan tempatan yang akan dibincangkan adalah seni bina rumah, seni tekstil batik, pengkonsepsian masa dan peribahasa Melayu.

Seperti yang kita sedia maklum, kedatangan agama Islam ke Alam Melayu telah mengubah cara hidup dan kehidupan masyarakat Melayu. Hubungan antara Islam dengan Melayu begitu erat dan tidak dapat dipisahkan. Seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia, untuk menjadi Melayu seseorang itu harus menepati tiga syarat, iaitu (i) menganut agama Islam, (ii) bercakap bahasa Melayu dan (iii) mengamalkan budaya Melayu. Dengan kata lain, Melayu dan Islam diikat begitu rapi melalui bahasa dan budaya. Oleh hal yang demikian, akal budi manusia Melayu sudah pastinya banyak didasari dan ditunjangi oleh syariat Islam. Kajian yang mendalam yang menggunakan pendekatan inkuisitif¹ dapat membantu kita menerokai dan menyelami pemikiran dan sistem nilai Islam yang tersurat dan tersirat dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Akal Budi Seni Bina Rumah Melayu

Dalam kajian yang bertajuk ‘Melestarikan rumah Melayu Melaka: Produk pelancungan warisan masyarakat desa’, Wan Siti Zubaidah dan Mohd Faizal (2014) menyatakan bahawa elemen tradisi yang terkandung dalam bentuk visual rumah Melayu Melaka mencerminkan jati diri dan budaya masyarakat Melayu waktu dahulu yang berkesinambungan hingga sekarang. Seni bina rumah Melaka dikatakan kaya dengan seni ukiran tangan yang halus, dan bermotifkan flora, fauna dan bentuk geometri. Ruang-ruang yang dibina di dalam rumah terdiri daripada serambi atau anjung, pintu, rumah ibu, dapur dan juga tangga. Pembinaan rumah Melayu didasari oleh dua elemen penting, iaitu budaya masyarakat dan pegangan agama Islam yang menjadi tunjang utama dalam kehidupan (Wan Siti Zubaidah dan Mohd Faizal 2014)². Salah satu contoh rumah Melayu adalah seperti di bawah.

¹ Kajian inkuisitif menerapkan pendekatan ‘bangau oh bangau’, iaitu kaedah yang cuba menjawab ‘mengapa, mengapa, dan mengapa’ agar persoalan yang timbul dapat dirungkaikan hingga ke akar umbinya (Nor Hashimah 2014).

² Kedua-dua penulis melihat elemen Islam dalam konteks ruang seni bina rumah Melayu, tetapi kertas kerja ini mengaitkan Islam dengan akal budi masyarakat Melayu dalam konteks melayan tetamu.



Rumah Melayu lazimnya mempunyai dua pintu dan dua tangga yang dikenali sebagai pintu (tangga) depan dan pintu (tangga) belakang. Anjung pula ialah ruang terbuka yang terletak di antara pintu depan dengan tangga depan. Kesemua bahagian dan ruang rumah ini mempunyai kaitan yang erat dalam konteks melayan tetamu. Islam sangat mengutamakan tetamu, dan keutamaan itu terbukti daripada sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud 'Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia memuliakan tetamunya' (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim). Kehadiran tetamu juga dianggap sebagai membawa rezeki kerana wujudnya hubungan silaturrahim sesama manusia. Anas bin Malik meriwayatkan Rasulullah SAW pernah bersabda 'Sesiapa yang ingin diluaskan rezekinya, dipanjangkan umurnya, maka hendaklah ia memanjangkan silaturrahim' (Hadis riwayat Al-Bukhari). Frasa memanjangkan silaturrahim bermaksud umat Islam digalakkan memperluas, memperbanyak dan mempererat hubungan sesama manusia, dan salah satu caranya adalah dengan menerima dan melayan tetamu.

Walaupun tetamu itu perlu diraikan dan dimuliakan, namun hubungan perlu dijaga agar tidak melanggar syariat Islam. Orang Melayu juga dikenali sebagai masyarakat yang beradab, justeru tetamu perlu dilayan dengan penuh sopan dan santun. Dalam masyarakat Melayu, tetamu yang berkunjung haruslah masuk ke rumah dari tangga dan pintu depan. Tetamu yang masuk dari tangga dan pintu belakang dianggap kurang sopan. Terbinanya dua pintu ini bukanlah wujud secara kebetulan, tetapi mempunyai falsafah dan fungsinya yang berbeza, seperti yang terungkap dalam ungkapan Melayu yang berbunyi 'pintu depan menyambut

tetamu, pintu belakang menutup malu'.³ Ungkapan ini ada kaitannya dengan adab dan sopan ketika melayan tetamu. Tetamu yang diraikan biasanya akan dihidangkan dengan minuman atau makanan kerana masyarakat Melayu percaya kedatangan tetamu di rumah membawa rahmat dan rezeki. Jika tuan rumah kehabisan barang untuk dimasak, maka si anak atau isteri perlu pergi ke kedai atau meminjam daripada jiran melalui pintu belakang tanpa disedari oleh tetamu itu tadi. Dengan cara begini, tetamu tidak akan berasa bersalah dan tuan rumah juga tidak berasa malu.

Anjung juga mempunyai peranan dan fungsi yang penting dalam konteks menerima tetamu. Seperti yang telah dinyatakan, tetamu yang berkunjung itu perlu melalui tangga dan pintu depan. Tetamu itu boleh terdiri daripada kaum keluarga, sahabat handai ataupun orang asing, dan kesemuanya perlu dilayan dan dimuliakan. Peranan anjung sangat penting, terutama ketika tetamu datang tetapi tuan rumah, terutamanya si suami tidak ada di rumah. Sambil menunggu kepulangan sang suami, tetamu tadi akan dipersilakan duduk menanti di anjung⁴ dan bukannya disuruh pulang dan datang semula pada lain masa kerana tindakan seperti itu dianggap tidak beradab dan tidak sopan. Anjung itu tidak berdinging dan terbuka luas bagi memastikan ruang tersebut dapat dilihat oleh anggota masyarakat yang lalu lalang di situ, dan ini secara langsung boleh mengelakkan fitnah yang sememangnya ditegah dalam Islam. Dalam situasi sebegini, tetamu pun tidak terasa terhina dan tuan rumah pula tidak terasa tercela. Kesimpulannya, binaan ruang dalam seni bina rumah Melayu berkait rapat dengan pemikiran dan akal budi Melayu yang berteraskan syariat Islam.

Akal Budi Seni Tekstil Batik Sarung

Salah satu warisan seni tekstil Melayu yang dianggap 'tidak lapuk dek hujan dan tidak lekang dek panas' adalah kain batik, khususnya batik sarung. Kebanyakan kajian dan huraian tentang batik sarung sebelum ini berfokus pada aspek luaran yang dapat dilihat, seperti cara pembuatannya, corak dan motif, reka bentuk, pewarnaan, dan sebagainya. Misalnya, kajian Nawwal dan Rahimah (2013) memberi penghuraian tentang warna, motif dan juga struktur kain batik. Motif batik banyak bersumberkan flora dan fauna, seperti pucuk rebung, sulur kacang, awan larat, bunga labu, daun sirih, bunga raya dan lain-lain. Dari segi pewarnaan,

³ Maklumat ini diutarakan oleh Tenas Effendi (2008), seorang budayawan dan sasterawan Melayu dari Riau, Indonesia, ketika beliau menyampaikan Syarahan Raja Ali Haji di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 10 Oktober 2008.

⁴ Penggunaan ruang anjung sebagai tempat kaum lelaki melakukan kerja rumah, seperti mengayam pukut, jaring dan sebagainya (Wan Siti Zubaidah dan Mohd Faizal (2014) adalah fungsi sampingan dan bukannya fungsi utama.

bahan yang digunakan adalah pewarna asli daripada sumber alam semula jadi, seperti tumbuh-tumbuhan, batu-batuan dan karang laut. Dari segi struktur pula, kain sarung itu terbahagi kepada lima bahagian, iaitu badan kain, gigi kain, kepala kain, tanah kain, dan gunung kain, seperti yang tergambar di bawah.



Bahagian kain ini mempunyai peranan dan fungsinya yang tertentu sama ada dari segi pembuatan mahupun pemakaiannya. Misalnya, bahagian kepala kain mempunyai peranan dan fungsi dalam konteks pemakaian kain sarung mengikut adat Melayu. Fungsi tersebut berhubungan dengan status sosial si pemakainya, dan dapat dibahagikan kepada empat⁵, iaitu (i) kedudukan kepala kain di bahagian hadapan menandakan si pemakainya telah berumah tangga, (ii) kedudukan di sebelah kiri menandakan si pemakainya masih belum berpunya atau anak dara, (iii) kedudukan di sebelah kanan menandakan si pemakainya berkedudukan tinggi dalam masyarakat, dan (iv) kedudukan di bahagian belakang menandakan si pemakainya seorang janda.

Huraian tentang hubungan antara status sosial wanita dengan seni batik ini sangat menarik untuk dibahas dan diberi penjelasan lanjut. Mengapakah status sosial ini penting dalam masyarakat Melayu dan apakah yang mendorong mereka bertindak sedemikian perlu penelitian lanjut dan penafsiran yang mendalam. Pada hemat saya, di sinilah letaknya

⁵ Maklumat ini diutarakan oleh Tenas Effendi (2008), seorang budayawan Melayu dari Riau, Indonesia, ketika beliau menyampaikan Syarahan Raja Ali Haji di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 10 Oktober 2008.

kebijaksanaan akal budi Melayu dalam menjaga adab dan kesopanan serta tidak melanggar syariat Islam.

Lumrah kehidupan manusia adalah untuk hidup berpasangan antara lelaki dengan perempuan. Dalam adat Melayu, lazimnya pihak keluarga lelaki atau si lelaki itu sendiri yang akan membuat pilihan dan menentukan pasangan hidupnya. Dalam proses membuat pilihan ini, maklumat awal yang perlu diketahui terlebih dahulu adalah status sosial wanita berkenaan sama ada anak dara, janda atau isteri orang. Persoalannya adalah mengapakah maklumat ini dinyatakan secara tersirat melalui pakaian, dan mengapa tidak dirisik atau ditanya terus kepada empunya badan. Di sinilah letaknya adab dan kesopanan masyarakat Melayu yang ditunjangi oleh agama Islam.

Status sosial ini adalah suatu yang bersifat peribadi dan kadang kala boleh menjatuhkan aib seseorang apabila ditanya secara terus terang. Perbuatan menjatuhkan aib seseorang insan itu sangat ditegah oleh agama Islam. Selain daripada itu cara hidup masyarakat Melayu pada zaman dahulu juga jauh berbeza dari sekarang. Lelaki dan perempuan dilarang berbual mesra sama ada secara tertutup atau terbuka kerana perbuatan tersebut dianggap tidak beradab dan bersopan. Perbuatan tersebut melanggar syariat Islam yang melarang lelaki dan perempuan yang bukan mahram hidup bercampur dan bergaul bersama. Dalam menjalani hidup bermasyarakat, menjaga adab dan kesopanan serta memelihara kesucian agama Islam itu adalah suatu yang amat penting. Kepentingan ini tersemat dalam akal budi manusia Melayu dan ini mendorong mereka bertindak dengan penuh arif dan bijaksana.

Akal Budi dalam Pengkonsepsian Masa

Orang Melayu sering dimomokkan sebagai orang yang tidak menghormati masa, melengah-lengahkan masa, meremehkan masa dan tidak menepati masa seperti yang dijanjikan. Justeru, lahirlah ungkapan seperti ‘janji Melayu’ yang menggambarkan sikap dan sifat negatif orang Melayu dalam konteks pengurusan masa. Sikap ketidaktepatan masa, iaitu tidak menetapkan masa pada waktu yang khusus jelas tergambar pada rujukan masa yang digunakan ketika menetapkan waktu jemputan untuk majlis yang diadakan, seperti kenduri kesyukuran, tahlil arwah, potong jambul, dan sebagainya. Waktu yang sering dirujuk adalah ‘lepas zuhur’, ‘lepas asar’, ‘lepas maghrib’ dan ‘lepas isyak’.

Cara masa dikonsepsikan oleh manusia daripada pelbagai budaya boleh dibahagikan kepada dua, iaitu (i) masa monokronik (monochronic time [M-time]), dan (ii) masa polikronik (polychronic time [P-time]) (Asmah 2000). Dalam masa monokronik, manusia menjalankan satu kegiatan pada satu masa, sedangkan dalam masa polikronik manusia melakukan banyak

kegiatan dalam satu masa (Nor Hashimah 2014). Dengan kata lain, masa monokronik mengutamakan ketepatan waktu, manakala masa polikronik mengutamakan kegiatan. Bagi memastikan pelbagai kegiatan boleh dilaksanakan masa polikronik Masa bagi masyarakat Melayu dapat digolongkan dalam jenis masa polikronik yang lebih mengutamakan kegiatan dan hubungan sesama manusia. , sehinggakan masa itu boleh dilengahkan, dilambatkan, dilanjutkan, malah ditunda pada masa lain jika perlu.

Sama seperti kes sebelum ini, cara bagaimana orang Melayu mengkonsepsikan masa terikat dengan akal budinya yang didasari oleh agama Islam. Ini jelas terbukti apabila waktu solat dijadikan sebagai rujukan penentuan masa, misalnya ‘lepas zuhur’, ‘lepas asar’, ‘lepas maghrib’ dan ‘lepas isyak’. Kesemua masa yang dirujuk ini menunjukkan suatu jarak waktu, misalnya zuhur ialah masa antara tergelincir matahari sehingga awal petang (lebih kurang antara pukul 1.15 hingga 4.00 petang). Bagi masyarakat Melayu ketepatan waktu yang khusus tidak begitu penting, yang lebih diutamakan adalah kehadiran tetamu jemputan bagi mengeratkan hubungan silaturrahim sesama saudara seagama, seperti yang dituntut oleh Islam. Jika waktu itu ditetapkan secara tepat dan khusus, mungkin ramai yang tidak boleh hadir kerana keterlibatan mereka dengan pelbagai aktiviti harian. Sebaliknya, jika waktu dinyatakan dalam tempoh masa yang agak panjang, maka ramai yang boleh hadir tanpa menjejaskan aktiviti harian mereka.

Seperti yang telah dibincangkan, masyarakat Melayu terikat dengan masa polikronik. Sehubungan itu, untuk mengkonsepsikan masa polikronik, boleh saja unsur lain digunakan, misalnya ‘lepas sarapan pagi’, ‘lepas makan tengahari’ atau ‘lepas makan malam’ seperti yang diungkapkan dalam bahasa Inggeris (cth. after breakfast, after lunch, after dinner). Namun, persoalannya mengapakah ibadah solat yang dijadikan pilihan. Sekali lagi sebabnya adalah akal budi mereka didasari oleh Islam. Pada hemat saya, ibadah solat dipilih sebagai sumber rujukan kerana dua sebab, iaitu (i) menyediakan jarak waktu yang berpatutan agar tetamu boleh hadir, dan (ii) mengingatkan tetamu mengerjakan solat terlebih dahulu dan selepas itu barulah pergi bersilaturrahim.

Akal Budi dalam Peribahasa Melayu

Selain daripada pantun, keindahan dan kebijaksanaan orang Melayu berbahasa tercermin pada peribahasa, iaitu ungkapan yang terdiri daripada susunan kata yang pendek dan ringkas tetapi membawa maksud yang dalam dan bernas. Himpunan peribahasa berserta maksud yang didukungnya serta jenis-jenisnya memang telah banyak didokumenkan dan diterbitkan. Kajian tentang peribahasa dari sudut akal budi turut juga dilakukan. Antara kajian yang

menarik dan relevan dibincangkan dalam kertas ini adalah kajian Hassan (2003) dan Nor Hashimah (2014). Kedua-dua tokoh ini bersependapat bahawa metafora dalam ungkapan peribahasa itu mempunyai nilai intelektual dan kognitif yang tinggi yang menggambarkan akal budi atau kehalusan pemikiran mereka. Kata yang dipilih untuk membina ungkapan serta mendukung makna yang dihajatkan bukan dilakukan secara sebarangan, tetapi mempunyai justifikasi dan falsafahnya. Misalnya, dalam simpulan bahasa ‘kaki judi’, ‘kaki botol’, dan ‘kaki bola’, mengapakah kata kaki yang dipilih dan bukan anggota lain, seperti tangan, mulut atau mata. Hassan (2003) menjelaskan pemikiran Melayu adalah bersifat pragmatik, dan berdasarkan pengamatan dan pengalaman, kata kaki lebih sesuai dipilih kerana fisiologi kaki itu mempunyai konsep ‘kuat’, dan makna kuat ini kemudiannya dipindahkan menjadi ‘kuat berjudi’, ‘kuat mabuk’, dan ‘kuat menonton bola’.

Satu lagi aspek menarik dalam peribahasa adalah ungkapan yang membawa maksud khusus yang bersifat seksis, seperti ‘perigi mencari timba’ dan ‘lesung mencari alu’ (Nor Hashimah 2014). Kedua-duanya membawa maksud perempuan yang mendekati lelaki untuk memulakan hubungan. Kajian Nor Hashimah (2014) cuba untuk menjawab dua persoalan yang dibangkitkan, iaitu (i) mengapakah makna ini yang dihasilkan, dan (ii) mengapa kata ‘perigi’ dan ‘lesung’ dipilih untuk menzahirkan kaum wanita, manakala ‘timba’ dan ‘alu’ mewakili kaum lelaki. Secara ringkasnya, jawapan yang dikemukakan adalah seperti berikut: (i) objek-objek dalam ungkapan itu wujud secara berpasangan dalam budaya Melayu, dan (ii) objek-objek itu menyerupai alat kelamin manusia, misalnya ‘perigi’ dan ‘lesung’ dianalogikan sebagai alat kelamin perempuan, manakala ‘timba’ dan ‘alu’ dianalogikan sebagai alat kelamin lelaki. Semua maklumat ini adalah relevan, justeru pendengar dapat memprosesnya dengan mudah. Kesimpulannya, kepekaan penutur dan pendengar beranalogi dengan objek dan imej yang khusus dapat mencerminkan akal budi orang Melayu (Nor Hashimah 2014).


Lanjutan daripada kajian Hassan (2003) dan Nor Hashimah (2014), kertas kerja cuba melihat akal budi Melayu dalam peribahasa yang menerapkan nilai Islam, misalnya dalam ungkapan ‘kecil tapak tangan nyiru ditadahkan’. Persolan mengapa objek ‘nyiru’ dan ‘tapak tangan’ yang dipilih dan bukannya objek lain, seperti ‘bakul’, ‘raga’, ‘dulang’, atau ‘talam’ yang boleh berfungsi sebagai alat untuk melakukan kerja menadah. Tanpa memahami falsafah dan pemikiran yang terkandung dalam ungkapan ini, ada pengguna yang telah mengubahnya menjadi ‘kecil tapak tangan padang bola ditadahkan’ atau ‘kecil tapak tangan stadium saya tadahkan’. Perubahan ini bukan saja merosakkan ungkapan tersebut tetapi mempersenda dan memperlekehkan kebijaksanaan orang Melayu.

Dari sudut makna tersirat, ungkapan ini membawa maksud seperti yang berikut: ‘berbesar hati apabila mendapat sesuatu’, ‘mendapatkan sesuatu sebanyak-banyaknya’, ‘menunjukkan kesyukuran atas pemberian yang diterima’. Berdasarkan makna-makna yang diberi, dapat disimpulkan bahawa ungkapan tersebut bermaksud ‘rasa gembira dan bersyukur menerima sesuatu sama ada sedikit atau banyak’.

Pada hemat penulis, tapak tangan dan nyiru dipilih kerana kedua-duanya menepati nilai Islam dan Melayu. Apabila orang Melayu merasa gembira dan mensyukuri nikmat yang diterima, maka mereka akan mengangkat dan memenadah kedua-dua belah tangan sebagai tanda kesyukuran kepada Allah. Dalam konteks menerima pemberian orang, berapa jumlah yang diberikan sama ada banyak atau sedikit tidak dipentingkan kerana semuanya dianggap rezeki dan harus diiringi dengan rasa syukur. Sekiranya lebih banyak benda yang diterima, maka lebih lagi kita mengucap syukur kepada Tuhan. Namun, orang Islam diingatkan supaya tidak bersifat tamak dan perlu berhati-hati ketika menerima pemberian orang. Mereka perlu membuat saringan, tapisan dan pilihan, dan tidak menerima kesemuanya secara bulat-bulat. Di sinilah objek ‘nyiru’ sangat sesuai untuk mendukung konsep berkenaan berbanding dengan objek-objek lain, seperti ‘dulang’ atau ‘talam’.

Dari sudut bentuk fizikalnya, nyiru ialah sejenis alat yang dianyam daripada bilah rotan yang digunakan untuk menampi beras. Beras ditampi bagi tujuan mengasingkan beras yang berisi dengan beras yang hampa (kosong). Beras yang berisi dapat ditafsirkan sebagai benda yang baik, manakala beras yang hampa sesuatu yang buruk. Benda yang baik lazimnya datang daripada sumber yang halal, manakala benda yang buruk daripada sumber yang haram. Gabungan nilai-nilai Islam inilah menjadikan ‘nyiru’ sebagai pilihan yang tepa dan sesuai.

Peribahasa moden yang telah mengubah suai ungkapan ini menjadi ‘kecil tapak tangan padang bola ditadahkan’ gagal memahami dan menjiwai falsafah Islam tersebut. Bagi masyarakat moden hari ini, yang penting adalah menerima habuan sebanyak-banyaknya. Oleh hal yang demikian, ‘nyiru’ ditukar kepada ‘padang bola’ kerana padang bola itu mempunyai ruang yang lebih luas dan besar, justeru mampu menampung benda yang lebih banyak tanpa mempedulikan baik buruk dan halal haramnya barangan tersebut. Hubungan antara tapak tangan dengan nyiru dalam konteks ruang dapat dilihat dalam gambar di bawah.



Apabila kita bandingkan antara dua peribahasa di atas, ternyata terdapat perbezaan yang ketara antara masyarakat Melayu tradisional dengan masyarakat Melayu moden hari ini dalam melihat dan mengkonsepsikan objek 'nyiru'. Bagi Melayu moden, mereka melihat 'nyiru' itu dari sudut ruang yang berperanan untuk menadah atau menerima sesuatu, manakala bagi masyarakat tradisional pula, mereka melihat 'nyiru' itu dari sudut fungsinya yang berperanan untuk menapis dan memilah. Pandangan yang kedua ini jauh lebih halus dan tinggi kerana di dalamnya terkandung unsur falsafah, sistem nilai, dan budi pekerti yang luhur, dan inilah gambaran tentang kebijaksanaan akal budi masyarakat Melayu.

Kesimpulan

Kajian tentang kearifan tempatan bukan sahaja dapat menunjukkan kepandaian, kemahiran dan kepakaran masyarakat peribumi menghasilkan produk budayanya, tetapi juga dapat menyerlahkan pemikiran dan kebijaksanaan masyarakat berkenaan mengilhamkan penciptaan produk berkenaan. Sekiranya kita ingin mengangkat kearifan tempatan ke tahap yang lebih tinggi hingga ke peringkat antarabangsa, maka kajian-kajian yang dilakukan haruslah bersifat saling melengkapi, iaitu merangkumi aspek pengetahuan dan juga pemikiran anak watan bagi memastikan ilmu warisan dapat terus dilestarikan.

Rujukan

- Ahmad Moghni Salbani, Saad Othman dan Rahimah A. Hamid (Peny.). 2014. *Amalan Kearifan Tempatan dalam Masyarakat Melayu/Nusantara*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Asmah Haji Omar. 2000. *Malay Perception of Time*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Flavier, J. M. 1995. The regional program for the promotion of indigenous knowledge in Asia. In Warren, D. M., L. J. Slikkerveerand and D. Brokensha (Eds.). *The Cultural Dimension of Development: Indigenous Knowledge Systems*. London: Intermediate Technology Publications.
- Grenier, Louise. 1998. *Working with Indigenous Knowledge: A Guide for Research*. Ottawa: International Development Research Centre.
- Hassan Ahmad. 2003. *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya*. Siri Monograf Akademi Kajian Ketamadunan. Bangi: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Md. Salleh Yaapar. 2013. Kearifan tempatan: Pemugaran dan pelestarian. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Kolokium Kearifan Tempatan, di Bintulu, Sarawak, pada 8 Oktober 2013.
- Mansshor Mansor dan Mohd Kipli Abdul Rahman (Peny.). 2014. *Merekayasa Kearifan Tempatan: Alam dan Manusia*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Md. Salleh Yaapar. 2013. Kearifan tempatan: Pemugaran dan pelestarian. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Kolokium Kearifan Tempatan, di Bintulu, Sarawak, pada 8 Oktober 2013.
- Mohd Kipli Abdul Rahman, Nazarudin Zainun, Rahimah A. Hamid (Peny.). 2013. *Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara Jilid 1 – Berasal dari akar*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Mohd Kipli Abdul Rahman, Nazarudin Zainun, dan Rahimah A. Hamid (Peny.). 2013. *Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara Jilid 2 – Meneliti Kosmologi dan Adat Istiadat*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Mohd Kipli Abdul Rahman, Tarmiji Masron dan Mardiana Idayu Ahmad (Peny.). 2014. *Merekayasa Kearifan Tempatan Citra Seni dalam Teknologi*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Nawwal Abdul Kadir dan Rahimah A. Hamid. 2013. Ciptaan bahan pewarna dan reka corak batik Malaysia. Dlm. Mohd Kipli Abdul Rahman, Nazarudin Zainun, dan Rahimah A. Hamid (Peny.). 2013. *Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara Jilid 2 – Meneliti Kosmologi dan Adat Istiadat*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Nazarudin Zainun dan Darlina Md. Naim (Peny.). 2014. *Kearifan Tempatan: Merekayasa Kearifan Tempatan Budaya, Pelancongan, Arkeologi dan Sejarah*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Nazarudin Zainun (Peny.). 2015. *Antropologi dan Sejarah dalam Kearifan Tempatan*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Nazarudin Zainun (Peny.) 2015. *Wacana Warisan, Pelancongan dan Seni dalam Kearifan Tempatan*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Neilson Ilan Mersat dan Spencer Empading Sanggin. 2013. Kearifan tempatan kaum Dayak di Sarawak. Dlm. Mohd Kipli Abdul Rahman, Nazarudin Zainun, Rahimah A. Hamid (Peny.). *Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara Jilid 2 – Meneliti Kosmologi dan Adat Istiadat*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Norfarizah Mohd Bakhir dan Norzaini Zainal (Peny.). 2015. *Penerokaan Teknologi melalui Seni dan Warisan dalam Kearifan Tempatan*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Nor Hasimah Jalaluddin. 2014. *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti

Kebangsaan.

Rahimah A. Hamid (Peny.). 2015. *Kearifan Tempatan: Dari Lisan ke Aksara dan Media*. Pulau Pinang: Penerbit USM.

Rahimah A. Hamid (Peny.). 2015. *Kearifan Tempatan: Pandainya Melayu dalam Karya Sastera*. Pulau Pinang: Penerbit USM.

Rahimah A. Hamid, Ahmad Moghni Salbani dan Saad Othman (Peny.). 2014. *Merekayasa Kearifan Tempatan melalui Bahasa*. Pulau Pinang: Penerbit USM.

Rahimah A. Hamid, Saad Othman dan Ahmad Moghni Salbani (Peny.). 2014. *Rekayasa Kearifan Tempatan dalam Sastera Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit USM.

Rahimah A. Hamid, Mohd Kipli Abdul Rahman, dan Nazarudin Zainun (Peny.). 2013. *Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara: Jilid 3 - Meneliti Khazanah Sastera, Bahasa dan Ilmu*. Pulau Pinang: Penerbit USM.

Tenas Effendi. 2008. *Syarahana Raja Ali Haji 2008: Kearifan Orang Melayu Berbahasa*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.

Wan Siti Zubaidah Yahyadan Mohd Faizal Md Noor. 2014. Melestarikan rumah Melayu Melaka: Produk pelancungan warisan masyarakat desa. Dlm. Nazarudin Zainun dan Darlina Md. Naim (Peny.). *Kearifan Tempatan: Merekayasa Kearifan Tempatan Budaya, Pelancongan Arkeologi dan Sejarah*. Pulau Pinang: Penerbit USM.